

13/10/2000

Puteri Umno wajar bawah 40: Azalina

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Penubuhan Puteri Umno, tidak perlu dilihat sebagai satu ancaman kepada sesiapa tetapi sebagai sokongan dan pelengkap kekuatan kepada Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno.

Ahli Majlis Tertinggi (MT), Azalina Othman, berkata matlamat utama penubuhan Puteri Umno adalah menarik lebih ramai keahlian Umno terutama di kalangan wanita Melayu muda profesional untuk menyertai parti itu.

"Isu siapa yang menjadi Ketua Puteri Umno tidak timbul kerana semua orang layak menjadi ketua pergerakan itu. Pada saya, apa yang paling penting ialah penubuhan Puteri Umno ini dapat menarik lebih ramai wanita Melayu menjadi ahli Umno," katanya ketika dihubungi Berita Harian di sini, hari ini.

Bagaimanapun katanya, cadangan Pergerakan Wanita Umno supaya had umur keahlian Puteri Umno pada 25 tahun dan ketuanya pula mesti pada peringkat Pusat dan berusia kurang daripada 25 tahun, dianggap tidak praktikal.

Ini kerana dalam jangka usia lingkungan awal 20-an, kebanyakan wanita muda Melayu berada di pusat pengajian tinggi atau baru saja memulakan kerjaya masing-masing.

"Keadaan itu tidak memberi ruang kepada wanita muda Melayu untuk aktif dalam politik kerana kebanyakannya masih menuntut di universiti tertakluk di bawah Akta Universiti dan Kolej yang tidak membenarkan pelajar universiti aktif dalam mana-mana parti politik.

"Selain itu, jangka umur yang singkat sehingga 25 tahun memberi pengalaman yang singkat bagi persediaan seorang wanita itu untuk menjadi pemimpin. Lebih praktikal peringkat had umur pada bawah 40 tahun kerana dalam peringkat ini wanita sudah tahu apa yang mereka mahu dalam hidup, kerjaya dan keluarga," katanya.

Azalina berkata, struktur dan aktiviti Puteri Umno tidak mempunyai kesamaan langsung dengan Pergerakan Wanita Umno yang mana penubuhan sayap kanan baru itu dilihat sebagai satu lagi pembaharuan yang patut diterima ahli parti.

Ditanya mengenai kertas cadangan penubuhan Puteri Umno yang dianggap keterlaluan oleh kebanyakan ahli Pergerakan Wanita Umno, Azalina berkata: "Ia hanya satu kertas cadangan dan jika anda tidak boleh menerimanya, anda boleh buang begitu saja," katanya.

Beliau juga diminta mengulas mengenai keputusan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bersetuju agar penubuhan Puteri Umno sebagai satu lagi sayap kanan parti yang mempunyai entiti berasingan daripada Wanita Umno dan ketuanya diletakkan setaraf dengan Naib Presiden.

"Tentunya Datuk Seri (Dr Mahathir) mempunyai sebab tertentu untuk bersetuju dengan penubuhan Puteri Umno. Beliau seorang yang berpandangan jauh dan dengan globalisasi yang mula memberi kesan pada negara kita, saya rasa perubahan juga perlu ada dalam tradisi politik kita.

(END)